

**Malaysia Kemukakan Sijil Sarang Burung Yang Dipinda Kepada China  
Bernama  
24 Januari, 2013  
Oleh Niam Seet Wei**

BEIJING, 24 Jan (Bernama) -- Malaysia kini dalam proses mengemukakan salinan-salinan pindaan sijil Asal dan Sijil Kesihatan kepada pihak berkuasa China dalam usaha memudahkan dan mempercepatkan urusan meneruskan semula perdagangan sarang burung dengan China.

Sijil itu juga dikemukakan bersama-sama dengan sampel penandatanganan dan pemetraian para pegawai sah bagi tujuan pengesahan pada poin kemasukan, kata Kedutaan Malaysia di Beijing dalam satu kenyataan di sini hari ini.

"Syarat ketat bagi pengeksportan sarang burung Malaysia ke China bukan hanya untuk memastikan hanya produk sarang burung asli/tulen yang selamat untuk penggunaan dieksport ke China, tetapi pada masa yang sama ialah untuk mengekang penyeludupan haram sarang-sarang burung," katanya.

Malaysia dan China telah memeterai protokol kemasukan sarang-sarang burung ke China yang meliputi pemeriksaan, kuarantin dan kebersihan pada 19 September, 2012.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar menandatangani protokol itu bagi pihak Malaysia sementara China diwakili oleh Menteri Penyeliaan Kualiti, Pemeriksaan dan Kuarantin, Zhi Shuping.

Dengan pemetraian protokol itu, para pegawai Malaysia dengan begitu teliti memantau industri sarang burung untuk pematuhan standard.

Sementara itu, kedutaan telah menasihati agar semua pihak di Malaysia, termasuk para usahawan dan pengeksport tidak terpengaruh dengan khabar angin oleh individu atau pertubuhan yang menyatakan sarang burung dari negara lain dieksport ke China ataupun memulakan semula urusan niaga sarang burung dengan China boleh diselesaikan menerusi saluran-saluran tidak rasmi.

"Sehubungan ini, kedua-dua pihak berkuasa Malaysia dan China kini sedang berusaha membuat yang terbaik untuk meneruskan semula perdagangan sarang burung dengan China," katanya.

Dalam pada itu, beberapa perkara telahpun diperjelaskan semasa mesyuarat antara Malaysia dan China pada 18 Disember, 2012.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=924017>